

22 OCT 2003

SULTAN PAHANG GESA IBU BAPA DAN PELAJAR SEMAI MINAT SUKA MEMBACA

BENTONG, 22 Okt (Bernama) -- Ibu bapa dan golongan pelajar perlu menanam minat suka membaca bagi menambah ilmu pengetahuan selain daripada hanya menerima apa sahaja yang dipelajari di sekolah, kata Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah semasa merasmikan Perpustakaan Awam daerah, di sini hari ini.

Baginda berkata perpustakaan harus digunakan sepenuhnya oleh penduduk Bentong kerana ia akan memberi faedah besar untuk mereka, dan menurutnya rakyat Pahang perlu belajar mencintai ilmu duniawi dan ukhrawi bagi membantu mereka mengelakkan diri dari terjebak dengan gejala sosial.

"Rakyat negeri ini juga perlu saling hormat menghormati antara satu sama lain untuk membentuk perpaduan yang lebih erat dan menjayakan wawasan 2020 seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mencapai Wawasan 2020.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob yang juga adalah Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Pahang dalam ucapannya pada majlis itu berkata Perpustakaan Daerah Bentong yang mula didirikan pada tahun 1983 telah banyak menabur bakti kepada penduduk di daerah berkenaan.

Bangunan baru perpustakaan yang berharga RM2.5 juta itu siap dibina tiga tahun lalu dan mula beroperasi sepenuhnya pada tahun 2001. Ia boleh menampung kapasiti 2,500 pengguna dan dirasmikan hari ini sebagai memuliakan sambutan Hari Keputeraan Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah yang ke-73, Jumaat ini.

-- BERNAMA

ZY SOP AZH